

15 empangan di Johor kini di paras kritikal

Oleh ZULHISHAM ISAHAK

Utusanjohor@utusan.com.my

■ JOHOR BHARU 6 APRIL

KESEMUA 15 empangan yang membekalkan air mentah dan mempunyai kapasiti 1,700 juta liter (MLD) sehari untuk 44 loji seluruh negeri kini berada pada tahap kritikal dan hanya mampu bertahan bagi tempoh tiga bulan.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah negeri, Datuk Ir. Hasni Mohammad berkata, Empangan Sungai Lebam di Kota Tinggi dan Empangan Sungai Layang di Pasir Gudang paling kritikal.

“Paras air di Empangan Sungai Lebam ketika ini berada di paras 12.27 meter berbanding 10.37 pada paras normal dan Empangan Sungai Layang pula di paras 23.5 meter berbanding 20.32 meter pada paras normal.

“Walaupun kedua-dua empangan itu paling menyusut teruk, tetapi keadaan masih terkawal dan tidak berlaku krisis air hingga perlunya catuan dilaksanakan. Bekalan air masih mampu dibekalkan ketika ini untuk tempoh tiga bulan,” katanya dalam sidang akhbar di Bangunan Dato’ Jaafar Muhamad, Iskandar Puteri hari ini.



Walaupun kedua-dua empangan itu paling menyusut teruk, tetapi keadaan masih terkawal dan tidak berlaku krisis air hingga perlunya catuan dilaksanakan. Bekalan air masih mampu dibekalkan ketika ini untuk tempoh tiga bulan.”

IR. HASNI MOHAMMAD
Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Johor Bahru

Katanya, jika tiada hujan selepas tempoh itu, beberapa langkah jangka pendek akan diambil untuk memastikan penyusutan air di dua empangan berkenaan tidak menjejaskan hampir 600,000 pengguna di kawasan terlibat.

Antaranya kata Hasni, dengan mendapatkan bekalan air mentah dari sumber-sumber yang ada selain melakukan pembenihan awan untuk memastikan bekalan air

tidak terputus terutama di Kota Tinggi, Pasir Gudang dan bahagian utara Johor.

Beliau berkata, langkah penyelesaian jangka pendek itu juga akan dilakukan di empangan lain selain pemantauan di semua empangan terbabit akan dilakukan setiap masa untuk memastikan takungan dan simpanan air mencukupi.

Jelasnya, Badan Kawal Selia Air Johor (Bakaj), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Syarikat Air Johor Holdings Sdn. Bhd. (SAJH) akan mengenal pasti dan membuat persiapan itu sebelum melaksanakan langkah tersebut.

Pada masa sama katanya, Projek Air Mentah Rapid (Pamer) yang siap pada bulan depan dijangka mampu menyelesaikan krisis bekalan air di negeri ini khususnya di Kota Tinggi kerana berkemampuan menyalurkan 230 juta MLD sehari.

Selain itu katanya, Johor turut menerima peruntukan RM57 juta daripada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air pada tahun ini untuk memastikan masalah air dapat diatasi bagi tempoh jangka panjang.

Dalam pada itu, beliau mahukan loji-loji di Johor menguruskan operasi pada kadar optimum dan meminta orang ramai menggunakan air secara berhemah.



KEMASUKAN air yang disalurkan dari Sungai Seluyut meningkatkan sedikit paras takungan air di Empangan Sungai Lebam di Kota Tinggi, Johor. - UTUSAN/ RAJA JAAFAR ALI